

Wanita bujang- isi jiwa dengan *sedekah*



ADA RUPA, BERPENDIDIKAN, BERJAWATAN TINGGI DAN BERHARTA NAMUN MASIH BUJANG. FENOMENA INI SUDAH MENJADI PERKARA BIASA BAGI WANITA MASA KINI. 'SI BUJANG KAYA' INI TIDAK PERLU BERGANTUNG HIDUP KEPADA ORANG LAIN TERUTAMA LELAKI YANG BERGELAR SUAMI SEBALIKNYA MAMPU BERDIKARI DAN HIDUP MEWAH HASIL KERJA KERAS SENDIRI.

Mereka bebas melakukan apa sahaja dengan wang yang dimiliki, membeli apa yang diinginkan dan pergi ke mana sahaja tanpa perlu memikirkan tanggungjawab terhadap orang lain. Sebut sahaja ke mana, ia tiada masalah selain kekangan kerja.

Itu mungkin pandangan luaran yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi bagaimana dengan pengisian jiwa mereka yang tetap ada lompong dan ruang kosong. Hakikat itu tidak boleh dinafikan kerana Allah menjadikan manusia itu berpasang-pasangan dan untuk berkasih sayang.

Namun menurut Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Ustaz Nidzamuddin Hj Zakaria, wanita bujang yang punya segalanya perlu optimis bahawa jodoh mereka tetap ada. Perlu tanamkan niat dalam diri untuk mencari jodoh dan merancangnyanya agar dapat merasai nikmat mawaddah dan rahmah yang dijanjikan Allah kepada mereka yang berumah tangga.

Sentiasa tanamkan dalam diri bahawa itu semua adalah ujian agar mendekati diri kepadaNya dan jangan putus

asa terhadap jodoh kerana perancangan Allah itu lebih baik daripada perancangan manusia.

"Jangan sesekali memandang negatif kepada takdir. Ketepikan rasa tinggi diri dan ego serta jangan merasakan diri tidak perlu kepada unsur mawaddah dan rahmah. Setiap ketentuan itu ada hikmah di sebaliknya dan jangan merasakan tiada jodoh itu satu kekurangan," jelasnya.

MASA UNTUK BERAMAL

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir." Surah Ar Ruum ayat 21.

Ayat di atas menjelaskan mengenai keperluan berumah tangga baik kepada lelaki mahupun perempuan. Dengan

berpasangan selesailah sebahagian daripada agama mereka. Namun itu tidak bermakna mereka yang tidak berkahwin tidak lengkap agamanya. Banyak perkara lain yang boleh dilakukan bagi melengkapkannya terutama bersedekah.

Ketahuilah bahawa ganjaran pahala yang paling besar adalah bersedekah. Pahalanya sehingga 700 kali ganda daripada amalan kebajikan yang lain. Inilah kelebihan bagi mereka yang tidak berkahwin boleh

berbuat amal dan bersedekah sebanyak mungkin kerana ia merupakan pelaburan terbesar di akhirat kelak.

Oleh kerana itu jangan berfikir tidak berkahwin itu satu kekurangan sebaliknya lihatlah hikmah di sebaliknya. Bagi wanita yang sudah berumah tangga, mencari masa untuk melakukan kerja amal dan bersedekah agak sukar kerana sibuk dengan urusan rumah tangga. Tidak bagi anda yang masih bujang, bertenaga, punya wang dan harta, gunakanlah segala kelebihan itu untuk membuat pelaburan akhirat.

Ustad Nidzamuddin berkata, tidak dinafikan wanita yang masih bujang pada usia lewat 30an akan merasa kosong dalam jiwanya. Perasaan yang kosong itu sepatutnya adalah untuk urusan cinta pada suami dan anak-anak tetapi tidak dapat dicurahkan. Maka isikannya dengan cinta suci kepada Allah, Rasulullah, rumah Allah dan keluarga. Selain itu berbaktilah kepada ibu bapa dan guru-guru yang banyak berjasa sehingga anda berjaya.

Kelebihan masa yang ada atau waktu lapang pula bolehlah diisi dengan mengikuti pengajian, kuliah dan menuntut ilmu. Kata-kata hikmah ada menyebut “tidak ada perhentian bagi pantai ilmu”. Belajarlah sampai bila-bila kerana ilmu tidak akan terhenti sebaliknya berterusan sepanjang hayat.



“Isikan perasaan yang kosong itu dengan cinta suci kepada Allah”

“Selain itu ilmu yang ada boleh dikongsi dengan orang lain. Sampaikanlah pengetahuan atau kemahiran anda agar dapat dimanfaatkan bersama insan lain yang memerlukan. Anda bukan sahaja mendapat pahala, sebaliknya setiap ilmu yang dipergunakan akan membantu anda di akhirat kelak,” jelasnya.

Bagi yang punya harta yang banyak dan tidak punya tanggung jawab terhadap keluarga pula bolehlah mendermakannya ke jalan kebajikan. Bersedekahlah sebanyak mungkin dan salurkannya untuk membina masjid atau rumah anak-anak yatim. Mengambil anak angkat atau menjadi anak angkat kepada orang-orang tua yang memerlukan juga adalah satu cara beramal.

Nasihat beliau, gunakanlah masa hidup untuk melakukan kebajikan kerana itu adalah tujuan Allah memberi kita kelapangan. Selain itu isikan masa dengan banyakkkan ibadat, menunaikan umrah, haji atau wakaf.

Oleh kerana wanita bujang juga bebas daripada tanggungjawab dan tugas sebagai isteri dan ibu, isikanlah masa dengan melibatkan diri dalam badan-badan bukan kerajaan atau badan-badan kebajikan agar masa lapang terisi dan dalam masa yang sama dapat berkenalan dan meluaskan jaringan kerja. ▢